

Siaran Media

Untuk Terbitan segera

25 Julai 2013

---

## MAYBANK ISLAMIC KOMITED MEMBANTU GOLONGAN YANG MEMERLUKAN DENGAN SUMBANGAN ZAKAT BERJUMLAH RM 15.2 JUTA

**Khamis, 25 Julai 2013:** Maybank Islamic Berhad (MIB) hari ini menyerahkan RM 15.2 juta zakat perniagaannya yang berakhir tahun 2012 kepada 15 pusat zakat dan menerusi program-program kemasyarakatan untuk golongan asnaf seluruh Negara.

Menerusi komitmen MIB untuk menginsankan perkhidmatan kewangan Islam di seluruh asia, MIB komited dalam mengekalkan usaha untuk membantu lebih ramai golongan memerlukan di seluruh negara menerusi program-program ihsan hasil dari sumbangan zakat perniagaannya pada setiap tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif MIB, Muzaffar Hisham berkata, program-program seperti ini di jalankan sebagai tanda kesyukuran dan berkongsi kejayaan yang diperolehi oleh MIB disamping menyalurkan bantuan yang sewajarnya kepada golongan yang kurang berasib baik terutama berkaitan kesihatan kanak-kanak dan pendidikan.

“Kami amat bersyukur dan berbesar hati kerana masih diberikan rezeki untuk menjalankan tanggungjawab membayar zakat serta melaksanakan tanggungjawab korporat pada tahun ini melalui program-program kemasyarakatan dan berkongsi kegembiraan bulan Ramadhan bersama golongan asnaf.

“Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab korporat, kami akan terus menjalankan lebih banyak program-program seperti ini kerana ia adalah platform terbaik untuk mendekati masyarakat terutama kawasan yang menempatkan institusi perbankan Islam sekaligus meningkatkan taraf ekonomi serta meringankan beban kehidupan masyarakat Islam di Malaysia”, katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Kembara Zakat Maybank Islamic dan Penyerahan Sumbangan Korporat Tabung Haji.

Majlis itu disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir Hj Baharom, sejumlah RM1 juta turut diserahkan kepada Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sumbangan diserahkan kepada Pengurusnya, Dato’ Haji Mustafa Abdul Rahman.

Di bawah program Kembara Zakat Maybank Islamic, pelbagai program kemasyarakatan dirangka antaranya ialah program ‘*Ramadhan Relief*’ yang telah dijalankan dengan usahasama Islamic Relief Malaysia. Ia merupakan pemberian bekalan makanan di sepanjang bulan ramadhan kepada sejumlah 8,800 keluarga

asnaf yang dijalankan serentak di seluruh negara pada 6 Julai lalu, di 35 masjid terpilih di semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

Selain penyerahan zakat, di majlis yang sama Maybank Islamic juga turut menyerahkan sumbangannya kepada jemaah yang bakal mengerjakan haji pada tahun ini. Sebanyak 35,000 unit beg troli bimbit tangan ditaja bersempena sumbangan Sahabat Korporat Tabung Haji. Penyerahan telah dibuat kepada Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Haji Abdul Azeez Abdul Rahim.

“Kami mengharapkan agar sumbangan kecil ini sedikit sebanyak dapat membantu perjalanan jemaah tahun ini ketika berada di tanah suci nanti serta mendapat keberkatan ketika menunaikan ibadah haji. Di samping itu kami juga menyediakan beg bunjur serta buku panduan mudah menggunakan mesin pengeluaran wang automatic (ATM) untuk para jemaah”, kata Muzaffar.

“Doa kami agar perjalanan para jemaah ke tanah suci di permudahkan dan semoga mendapat haji yang makbrur”, tambah Muzaffar.

Selain zakat, Maybank Islamic juga menjalankan pelbagai aktiviti kemasyarakatan, antaranya ialah Qurban Perdana dan Usahasama antara Yayasan Maybank dengan Institut Jantung Negara (IJN). Qurban Perdana merupakan program tahunan bersama kakitangan kumpulan Maybank di seluruh Negara yang diraikan sempena Aidil Adha. Keraian juga dibuat di Negara-negara ASEAN di mana Maybank Islamic berada seperti Singapura, Brunei dan Indonesia. IJN pula memfokuskan kepada kesihatan kanak-kanak di Malaysia serta rantau ASEAN di bawah Pusat Jantung Pediatrik Serantau IJN yang baru ditubuhkan. Di samping itu Maybank Islamic juga menaja kos pembedahan jantung kanak-kanak, terkini seramai 16 pesakit yang keluarga terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (pendapatan keluarga kurang daripada RM2 ribu sebulan).

Turut hadir di majlis tersebut adalah Pengerusi Maybank Islamic, Dato’ Seri Ismail Shahudin, Pengerusi Yayasan Pelajaran MARA, Dr Zubir Harun, Pengarah Islamic Relief Malaysia, Zairulshahfuddin serta pegawai-pegawai kanan Maybank, Maybank Islamic serta Tabung Haji.

###

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Hal Ehwal Korporat**  
**Maybank Islamic Berhad**  
Level 4, Tower A, Dataran Maybank,  
1, Jalan Maarof, 59000, Bangsar, Kuala Lumpur

T: 03-22972001 F: 03-2297 2002

Zainiah Zahar ext 2292/0126895817 | Fadhli Asri ext 4153/0179300395